

**KEPUTUSAN JAWATANKUJASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERNIKAHAN NORANIZAH BT MOHD YUSUF DENGAN RICHAND BIN BADRY**

1. TAJUK PERSOALAN

Negeri Selangor telah digemparkan dengan peristiwa pernikahan seorang lelaki yang telah bertukar jantina dan menukar nama dengan nama Noranizah bte Mohd Yusuf dengan seorang lelaki tulen Richand bin Badry yang telah diadakan pernikahan pada 22 Februari 1993 bertempat di Pejabat Agama Islam Gombak Barat.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktamad dalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

" Dengan ini, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang pada 24 Zulhijjah 1413H bersamaan 15 Jun 1993 telah membincangkan dengan panjang lebar. Setelah meneliti ke atas siasatan dan laporan mengenainya dan juga taklimat oleh Prof Dato' Dr. Khairuddin bin Yusuf yang membuat pembedahan ke atadnya dengan sebulat suara ahli yang hadir bersetuju bahawa pernikahan Noranizah bte Mohd Yusuf dengan Richand bin Badry adalah tidak sah dan penukaran jantina Noranizah adalah HARAM.

ALASANNYA bahawa Noranizah adalah berasal daripada seorang lelaki yang mempunyai satu alat jantina sahaja yang bersifat sebagai Transeksual (mempunyai perasaan perempuan tetapi fizikalnya adalah seorang lelaki) . Beliau juga tidak mempunyai sifat-sifat kewanitaan yang lain seperti tidak ada haid dan tidak ada rahim.

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) juga membuat keputusan supaya Noranizah difaraskan/ dipisahkan pernikahannya dengan Richard bin Badry kerana tidak sah seperti yang disebutkan di atas dengan segera.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Zulhijjah 1413 Hijrah bersamaan 15 Jun 1993.

Keputusan fatwa ini telah dibentangkan di mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor pada 22 Jun 1993. Diarahkan oleh DYMM Sultan Selangor supaya di terbitkan di dalam Warta Kerajaan mengikut seksyen 31 (1) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 2/89.